

Kempen Pembiayaan Kenderaan-i Bank Rakyat

Soalan-Soalan Lazim

1. Siapakah penganjur kempen ini?

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat).

2. Bilakah kempen ini berlangsung?

Kempen ini berlangsung dari **1 Mac 2024 – 31 Mei 2024**.

3. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat yang terdiri daripada warganegara Malaysia dan memohon produk Pembiayaan Kenderaan-i KECUALI:

- a) Warga kerja Bank Rakyat; atau
- b) Pelanggan Bank Rakyat yang mempunyai sebarang tunggakan dan tindakan guaman atas mana-mana kemudahan pembiayaan sedia ada dengan Bank Rakyat.

4. Apakah konsep bagi kempen ini?

Kempen ini berkonsep langgan dan menang.

5. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

- a. Pelanggan perlu mohon produk Pembiayaan Kenderaan-i.
- b. Permohonan pembiayaan yang telah diluluskan dan pengeluaran dilakukan semasa tempoh kempen berlangsung.
- c. Penyertaan adalah secara **AUTOMATIK** apabila pelanggan membuat permohonan pembiayaan sepanjang tempoh kempen berlangsung.
- d. **Satu (1)** permohonan Pembiayaan Kenderaan-i dalam tempoh kempen layak mendapat satu (1) penyertaan sahaja.

6. Berapakah jumlah minimum Pembiayaan Kenderaan-i yang perlu dipohon bagi melayakkan pelanggan menyertai kempen ini?

Tiada jumlah minimum Pembiayaan Kenderaan-i yang perlu dipohon bagi melayakkan pelanggan untuk menyertai kempen ini.

7. Apakah hadiah yang ditawarkan melalui kempen ini?

Hadiah	Jumlah Pemenang
RM1,000 tunai (dikreditkan ke Akaun Pelaburan i-Rizq Plus Bank Rakyat milik pemenang)	40
Kad Touch n' Go bernilai RM250	80
Kad Petrol bernilai RM250	80

8. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan?

Undian secara rawak akan dijalankan dengan menggunakan sistem undian berkomputer selepas tamat tempoh kempen.

9. Bagaimanakah pemenang kempen ini akan dimaklumkan?

Pemenang akan dimaklumkan selepas kempen tamat menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS), pusat panggilan tele-Rakyat, laman web rasmi Bank Rakyat, laman media sosial rasmi Bank Rakyat atau e-mel.

10. Bilakah hadiah akan diterima oleh pemenang?

Hadiah akan diterima oleh pemenang dalam masa tempoh **30 hari** selepas pengumuman dibuat.

11. Bagaimanakah hadiah akan diterima oleh pemenang?

Tuntutan hadiah hanya boleh dilaksanakan di mana-mana cawangan Bank Rakyat atau lain-lain kaedah yang ditentukan oleh Bank Rakyat.

12. Bolehkah hadiah dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga?

Tidak boleh.

13. Adakah saya boleh memenangi lebih dari satu hadiah untuk kempen ini?

Tidak boleh.

14. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- Laman sesawang Bank Rakyat
- Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1 300 80 5454
- Laman media sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram/Twitter)

Soalan-soalan lazim kempen ini adalah tertakluk pada terma dan syarat kempen, terma dan syarat Pembiayaan Kenderaan-i serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari masa ke masa.